

30 JAN 2000

Mahathir-Benci

BUDAYA MEMBENCI ORANG TERTENTU AKAN HANCURKAN MASYARAKAT, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

LONDON, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya tidak mahu berterima kasih dan penyemaian perasaan benci kepada orang tertentu akan menghancurkan masyarakat.

Beliau berkata semangat benci yang disemaikan oleh pihak-pihak tertentu ke dalam jiwa anak-anak di Tadika hingga ke peringkat universiti, menyebabkan anggota masyarakat kita tidak boleh berfikir sendiri.

Di Tadika, mereka dididik membenci orang tertentu, disuruh meludah dan memijak gambar orang tertentu dan ini melekat sampai ke universiti mereka dihasut semula membenci pihak-pihak tertentu.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perjumpaan dengan kira-kira 500 penuntut dan rakyat Malaysia di Malaysia Hall di sini hari ini,

Dr Mahathir berkata orang Islam tidak makan babi bukan kerana mereka Islam tetapi disebabkan mereka dididik dari kecil bahawa babi itu jijik dan begitu juga mereka dididik dari kecil supaya tidak dapat menerima agama lain.

Mengenai keadaan politik di Malaysia sekarang, Perdana Menteri berkata bahawa sekarang terdapat orang yang tidak mahu mendengar penjelasan dan hanya mendengar kepada satu pihak sahaja.

"Kita janganlah mempunyai minda tertutup dan mestilah mendengar kepada kedua-dua pihak, barulah kita boleh membuat keputusan. Jika tidak, ini boleh menimbulkan perpecahan dikalangan masyarakat dan kita menjadi lemah, katanya.

"Ada yang berpendapat bahawa mereka mendapat nikmat dari perpecahan ini. Tetapi yang mendapat nikmatnya ialah orang asing,"kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir menolak kebebasan yang keterlauan seperti yang terdapat di Barat sambil mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan fikir bahawa mereka bebas kerana ada orang asing yang mahu menguasai budaya, politik dan ekonomi kita.

"Kita sudah lihat kerajaan negara-negara bebas dijatuhkan oleh hasutan dari luar. Selepas itu, mereka berusaha untuk memecahkan negara itu dari satu menjadi tiga," kata beliau.

Di Malaysia, usaha untuk memecahbelahkan masyarakat berjaya pada satu peringkat umpamanya, kita mendapati budaya tiak mahu berterima kasih kepada sesiapa dan menolak kemajuan yang pesat di Malaysia sebagai sesuatu yang akan berlaku walau siapa pun yang memerintah.

"Mereka berkata jangan utamakan sejarah, latar belakang kita. Kita hanya fikirkan masa ini sahaja. Ini zaman kita, katanya.

Justeru itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan lupakan sejarah.

" Saya kluatir kalau kita tak tahu dari mana kita datang, kita tidak tahu di mana kita berada dan di mana kita akan pergi. Sebab itulah, sejarah kita mempunyai banyak pengajaran," kata beliau

Pesan ini ditegaskan lagi dengan menyebut kata-kata ahli falsafah Barat George Santayana:"Sesiapa yang lupakan pengajaran sejarah akan diberi padah mengulangi kesilapan mereka berkali-kali."

Semasa soal jawab, seorang yang mengenali dirinya sebagai Umi Hafilda Ali telah mengambil pembesar suara sambil bersumpah membuat kenyataan tentang kebenaran apa yang terkandung dalam suratnya mengenai apa yang telah berlaku kepada keluarganya membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri

Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Buat beberapa minit, hadirin senyap mendengar kata-kata peserta itu yang disampaikan dengan penuh emosi.

Dr Mahathir tidak berkata apa-apa cuma berterima kasih sahaja kepada peserta itu.

Umi sebelum itu meminta hadirin supaya tidak silap sangka yang dia telah datang dengan rombongan Dr Mahathir.

"Saya telah sebulan di sini atas urusan perniagaan saya sendiri," kata Umi.

Meneruskan perbualannya dengan masyarakat Malaysia di sini, Dr Mahathir membuka baju kotnya sambil berkata bahawa cuaca di London ini lebih hangat daripada Malaysia.

Seorang penuntut telah bertanya Dr Mahathir kenapa kalau dia memberi penilaian yang tinggi kepada sejarah, dia sendiri telah menulis surat kepada bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman memintanya meletakkan jawatan.

Dr Mahathir menjawab bahawa dia ingat benar kepada suratnya kepada Tunku dan menerangkan lagi bahawa kejadian itu tiada berkaitan dengan sejarah tetapi berkaitan dengan keperluan orang Melayu pada masa itu.

"Kita harus belajar daripada sejarah. Apabila Tunku berundur, beliau digantikan oleh Tun Razak. Beliau (Tunku) ialah seorang pemimpin yang besar, Saya mengakunya. Beliau banyak berjasa untuk kemerdekaan kita."

Dr Mahathir juga berkata bahawa sesuatu perubahan hendaklah untuk kebaikan dan bukan untuk kepentingan peribadi.